

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Kedudukan calon Bebas jadi persoalan

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Kejayaan lima calon Bebas menewaskan tokoh-tokoh USNO dalam pilihanraya umum peringkat Parlimen di Sabah, menandakan lenyapnya suara USNO di Dewan Rakyat.

Sebagaimana yang didakwa oleh sebilangan masyarakat Sabah, termasuk pihak USNO sendiri, kelima-lima calon Bebas berkenaan disokong kuat oleh Berjaya, parti pemerintah di Sabah.

Ini bermakna Berjaya yang memenangi 10 kerusi, sebenarnya mempunyai 15 suara di Parlimen — lima bebas yang menyokongnya.

Hanya satu kerusi sahaja di Sabah yang terlepas ke tangan pembangkang — DAP, di Sandakan.

Persoalan yang timbul sekarang ialah, mungkinkah Presiden Berjaya merangkap Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh akan mengambil tindakan terhadap kelima anggota partinya yang bertanding Bebas dan secara terbuka menentang rakan komponen Barisan Nasional, USNO?

Seperti yang ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam se-

waktu bertemu dengan pemimpin Berjaya dan USNO baru-baru ini, pendirian BN pusat ialah, hanya calon yang bertanding di bawah lambang dacing sahaja akan diktiraf sebagai calon rasmi.

Di samping itu, tegas Datuk Musa, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri telah mengeluarkan arahan bertulis kepada Datuk Harris, supaya tindakan diambil ke atas anggotanya yang bertanding Bebas.

Oleh itu, kemenangan kelima-lima calon Bebas di Marudu, Kota Belud, Labuk Sungut, Hillir Padas dan Silam bukan sahaja membawa implikasi yang buruk terhadap wujudnya USNO, malahan menimbulkan beberapa persoalan yang boleh menjejaskan keikhlasan dan kesetiaan komponen BN kepada arahan Pengerusi BN pusat.

Dalam beberapa pilihanraya umum yang lalu, sudah terbukti ada calon Bebas yang menang kerusi Parlimen tetapi kemudiannya bertanding semula atas tiket Berjaya.

Di samping itu, calon Bebas berkenaan yang berucap di Parlimen sentiasa menyuarakan masalah dan kemusykilan rakyat menerusi

teks yang disemak sendiri oleh pucuk pimpinan Berjaya.

Dari segi keanggotaan Dewan Rakyat, kemenangan lima calon bebas dari Sabah dan tiga di Sarawak menjadikan pembangkang kini 22, sembilan dari DAP dan bakinya PAS.

Apakah Datuk Seri Dr. Mahathir akan berdiam diri sekiranya komponen BN di Sabah mengiktiraf calon-calon Bebas berkenaan sebagai wakil sahannya di Parlimen, walaupun tindakan itu menjejaskan keseluruhan prinsip dan peraturan yang dibuat dari masa ke semasa.

Apakah kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir yang terkenal kerana ketegasannya akan membiarkan sahaja perkara ini diselesaikan oleh masa dan suasana?

Mestikah mana-mana komponen di Sabah perlu diberi keistimewaan dari segi masalah calon Bebas ini kerana walaupun Berjaya dan USNO merupakan komponen BN di peringkat pusat, mereka adalah parti pemerintah dan pembangkang di peringkat Negeri?

Tidakkah pula akan berlaku kejadian suatu hari nanti di mana komponen-komponen BN di Semenanjung akan menurut jejak langkah komponen BN Sabah dalam konteks mengemukakan calon-calon Bebas di sesuatu pilihanraya?

## Lambang

Mungkin perkara ini hanya menjadi satu keanehan dalam sistem politik negara sekarang. Tetapi, keanehan ini wujud atas ciptaan BN sendiri, iaitu, sewaktu USNO masih wujud, Berjaya dilahirkan dan kemudiannya diterima menganggotai BN sendiri.